

# TERGADAIKAH PULAU PISANG KE TANGAN SINGAPURA?

**Penulis Artikel**

**Muhammad Hafiz bin Mansor**

**Felow Kluster Keselamatan dan Antarabangsa**

**Semakan Akademik**

**Prof Madya Dr. Mohd Hazmi bin Mohd Rusli**

**Pakar Undang-Undang Laut Antarabangsa**



**Pulau  
Pisang**



## Tergadaikah Pulau Pisang ke Tangan Singapura?

Kertas **PERSPEKTIF** adalah satu siri penulisan oleh pengarang bagi mengemukakan pelbagai maklumat dan pandangan kepada pembaca mengenai sesuatu tajuk.

Semua fakta dan perspektif yang dinyatakan adalah di bawah tanggungjawab pengarang.

Sehubungan dengan itu, pengarang amat berbesar hati sekiranya para pembaca juga dapat berkongsi maklum balas mengenainya.

**Emel Pengarang** : hafizmansor@tsis.my, hazmirusli@usim.edu.my

# **TERGADAIKAH PULAU PISANG KE TANGAN SINGAPURA?**

## **PENULIS**

Muhammad Hafiz Bin Mansor  
Kluster Politik Antarabangsa  
Jabatan Hal Ehwal Parlimen Dan Global  
Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)

## **SEMAKAN AKADEMIK**

Prof Madya Dr Hazmi Rusli  
Pensyarah Kanan USIM  
Pakar Undang-Undang Laut Antarabangsa

## PENDAHULUAN

Isu kedaulatan Batu Puteh (*Pedra Branca*) sewajarnya menjadi satu batu loncatan kepada negara supaya lebih bersikap proaktif terhadap kedaulatan wilayah sempadan negara di bahagian maritimnya. Malaysia merupakan sebuah negara maritim dengan 60 peratus daripada bahagian wilayahnya bersempadan dengan perairan. Oleh sebab itu tidak menghairankan apabila isu pertembungan kedaulatan dan konflik perairan seringkali menjadi topik utama perbahasan polisi luar negara saban tahun (lihat Hafiz Mansor, 2020).

Pada penghujung tahun lalu, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan suatu jawatankuasa bagi menyediakan opsyen terhadap keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai pemilikan Batu Puteh yang telah diputuskan berada di bawah kedaulatan Singapura pada tahun 2008.

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali turut dipertanggungjawabkan untuk mendapatkan pandangan pakar undang-undang antarabangsa di bawah *Tort of Misfeasance* mengenai kekhilafan tidak meneruskan semakan terhadap Batu Puteh yang sepatutnya berlaku pada tahun 2018 yang lalu (Astro Awani, 2021).

Selain isu kedaulatan Batu Puteh yang sentiasa mendapat tumpuan media dalam dan luar negara, situasi semasa yang dihadapi Pulau Pisang juga tidak kurang pentingnya. Ia turut mendapat perhatian pemerhati polisi berkaitan kedudukan maritim negara. Situasi ini didorong oleh beberapa ciri persamaan Pulau Pisang dengan Batu Puteh khususnya mengenai kawalan pentadbiran efektif (*effective control*) Singapura yang menjadi faktor utama negara hilang hak kedaulatan terhadap Batu Puteh berdasarkan penghakiman yang dikemukakan oleh ICJ. Tidak mustahil ciri-ciri tersebut bakal mengulangi kesilapan yang pernah berlaku terhadap Batu Puteh sehingga ia jatuh ke tangan Singapura.

Oleh itu, penulisan ini akan menelusuri perbahasan terhadap Pulau Pisang dengan memberikan tumpuan mengenai kawalan pentadbiran efektif Singapura di pulau tersebut serta sebuah perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1900. Malah, perbahasan juga turut terarah kepada keperluan Malaysia untuk mengambil pendirian yang lebih proaktif bagi mendapatkan semula pemilikan penuh terhadap Pulau Pisang.

## KEDUDUKAN STRATEGIK PULAU PISANG

Pulau Pisang adalah sebuah pulau yang berkeluasan 178.4 hektar dan terletak kira-kira 23 kilometer daripada Kukup di bahagian perairan Selat Melaka. Ia merupakan pulau yang terbesar selain pulau-pulau yang terletak berdekatan dengannya seperti Pulau Tunda, Pulau Kemudi dan Pulau Sauh.

Kedudukan Pulau Pisang yang terletak di perairan Selat Melaka menjadikannya sangat strategik bagi mengawal navigasi kapal daripada seluruh dunia yang keluar dan masuk ke perairan berkenaan. Perairan Selat Melaka merupakan antara perairan

yang tersibuk di dunia menghubungkan Lautan Pasifik dan Lautan Hindi serta menjadi laluan utama kepada lebih 70 ribu kapal perdagangan yang melalui rantau ini menuju ke Asia Pasifik (Rusli, Mohamad, & Dremluiga, 2014; Amriah Buang, 2006).



Pada 6 Oktober 1900, Sultan Johor ketika itu iaitu Sultan Ibrahim menandatangani perjanjian bersama Sir James Alexander Swettenham, Gabenor Negeri-negeri Selat mewakili Kerajaan British untuk menyerahkan kepada British pentadbiran tanah dari bahagian pantai sehingga ke rumah api

yang berkeluasan 2.25 ekar iaitu 0.5 peratus daripada keseluruhan keluasan Pulau Pisang (Parlimen, 2019).

Pengawalseliaan rumah api di Pulau Pisang diuruskan oleh Maritime and Port Authority of Singapore (MPA) dan ia kekal beroperasi sehingga ke hari ini. Perkara ini seterusnya menjadi titik pertikaian terhadap keperluan Singapura mentadbir sebuah rumah api di sebuah pulau yang berada di bawah kedaulatan negara dan apakah suatu masa kelak ia juga bakal jatuh ke tangan Singapura sebagaimana kes yang berlaku kepada Batu Puteh.

## TRAGEDI BATU PUTEH, CERMINAN UTAMA

Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 telah memutuskan bahawa Batu Puteh berada di bawah kedaulatan Singapura. Namun, batuan lain yang berdekatan iaitu Batuan Tengah dan Tubir Selatan tidak diberikan bersekali kepada Singapura meskipun kedua-dua batuan ini terletak berhampiran dengan Batu Puteh.

Ketetapan pihak Mahkamah adalah seperti kenyataan berikut:

*“As the Court has stated above, it has reached the conclusion that sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh rests with Singapore under the particular circumstances surrounding the present case. However, these circumstances clearly do not apply to other maritime features in the vicinity of Pedra Branca/Pulau Batu Puteh i.e. Middle Rocks and South Ledge.” (p.78)*

Hujah yang diberikan oleh ICJ adalah berdasarkan suatu surat balas daripada Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri Johor kepada The Colonial Secretary of Singapore bertarikh 12 Jun 1953. Kandungan surat tersebut menjelaskan bahawa Kerajaan Johor tidak mempunyai pemilikan terhadap Batu Puteh. Frasa “tiada pemilikan kedaulatan” oleh Johor ketika itu menjadi hujah teras kepada penghakiman ICJ untuk menyerahkannya kepada Singapura.

Selain itu, penghujahan ICJ juga turut disokong oleh kawalan pentadbiran efektif (*effective control*) yang dimiliki Singapura ke atas Batu Puteh (Rusli, Mohamad, & Dremluiga, 2014). Selain soal pentadbiran Singapura terhadap Rumah Api Horsburgh yang terletak di Batu Puteh, mahkamah juga mendapati langkah Singapura yang bertanggungjawab melakukan penyiasatan terhadap kes kapal karam di sekitar kepulauan berkenaan serta hak kebenaran melawat Batu Puteh daripada Kerajaan Singapura menunjukkan prinsip *a titre de souverain*. Ia menjelaskan bahawa Singapura secara langsung bertindak sebagai penjaga kepada Batu Puteh dan mempunyai kawalan pentadbiran efektif penuh terhadapnya (International Court of Justice (ICJ), 2008).

Penghujahan utama ICJ adalah berdasarkan kawalan pentadbiran efektif Singapura terhadap Batu Puteh kemudian disokong lagi surat jawapan balas oleh Pemangku Kerajaan Negeri Johor pada tahun 1953 yang menggambarkan tiada pihak yang mahu menuntut batuan tersebut. Oleh itu, Singapura berjaya menjamin hak kedaulatan mereka di batuan tersebut dan dalam masa yang sama menyaksikan Malaysia kehilangan hak eksklusif terhadap Batu Puteh.

Situasi tersebut juga menyerlahkan bahawa kedudukan Batu Puteh yang terletak lebih hampir dengan Johor bukanlah suatu syarat ia berada di bawah kedaulatan negara sebaliknya faktor kawalan pentadbiran efektif merupakan tunjang utama kepada hak kedaulatan sesebuah wilayah.

## **EFFECTIVE CONTROL SINGAPURA DI PULAU PISANG**

Sememangnya kebimbangan terhadap Pulau Pisang mempunyai asas yang tersendiri. Berdasarkan pemerhatian yang menyeluruh, Singapura tidak mempunyai kawalan pentadbiran efektif yang penuh terhadap Pulau Pisang sebagaimana Batu Puteh. Hal yang demikian kerana Malaysia masih mengawal aktiviti keluar dan masuk kakitangan Kerajaan dan rakyat Singapura yang mengendalikan rumah api berkenaan. Beberapa peraturan dan syarat yang ketat turut dikenakan kepada pengendali rumah api serta perlu mendaftar dengan Jabatan Imigresen di Kukup setiap kali pertukaran syif kerja berlaku (Parlimen, 2017).

Situasi ini sedikit sebanyak menunjukkan Malaysia masih menzahirkan kawalan pentadbiran efektif ke atas Pulau Pisang yang sememangnya kekal berada di bawah kedaulatan negara walaupun pentadbiran rumah apinya ditadbir oleh Singapura. Tambahan lagi, Profesor S. Jayakumar, bekas Menteri Luar Singapura turut pernah menyatakan bahawa Singapura tidak pernah mempertikaikan kedaulatan Malaysia terhadap Pulau Pisang, namun masih mempertegaskan pengendalian rumah api di pulau berkenaan wajar diteruskan oleh MPA.

Walaupun bagaimanapun, sewajarnya penghakiman yang berlaku terhadap kes Batu Puteh dijadikan iktibar kepada negara supaya bersikap proaktif mengenai masa depan Pulau Pisang. Dalam soal kedaulatan, Kerajaan sepatutnya mengambil satu langkah

terhadap bagi melindungi kepentingan negara daripada dicerobohi mahupun dituntut oleh pihak luar. Apa yang menjadi kebimbangan ketika ini adalah Singapura boleh mendapatkan kedaulatan terhadap 2.25 ekar kawasan rumah api tersebut berdasarkan konsep *effective occupation* atau *prescription*. Konsep *prescription* ini menjelaskan bahawa sesebuah negara dapat menguasai sesuatu wilayah jika negara tersebut menzahirkan kedaulatannya di wilayah tersebut tanpa mendapat bantahan daripada negara-negara lain (lihat Hazmi Rusli, 2020).

Kebimbangan ini mempunyai asas yang kuat kerana meskipun Singapura mungkin tidak dapat menzahirkan kedaulatannya terhadap keseluruhan Pulau Pisang kerana Malaysia masih mengawal pintu masuk ke pulau tersebut, wilayah yang diserahkan untuk pengawalseliaan rumah api bersandarkan kepada perjanjian pada tahun 1900 adalah sepenuhnya dikawal oleh Singapura.

Penguasaan MPA terhadap rumah api di Pulau Pisang secara tidak langsung menzahirkan kedaulatan Singapura di sebahagian wilayah di pulau berkenaan. Justeru, Singapura mempunyai kawalan pentadbiran efektif yang jelas terhadap wilayah yang merangkumi rumah api tersebut dan menjadikan mereka mempunyai *locus standi* untuk mendapatkan hak mereka di sana sebagaimana yang berlaku di Batu Puteh.

## JALAN KELUAR

Satu elemen yang jelas terhadap penguasaan Singapura terhadap rumah api di Pulau Pisang adalah ia tidak sesekali terjejas meskipun tujuan pembinaan rumah api yang dibina berdasarkan perjanjian pada tahun 1900 itu kurang lagi relevensinya berbanding kecanggihan teknologi navigasi yang pada hari ini.. Begitu juga cadangan pembangunan khusus di pulau berkenaan sepertimana yang pernah berbangkit sebelum ini (Ahmad, Ahmad Fuad, & Zuhairah Arif, 2019).

Pembangunan sistem navigasi yang lebih moden tidak memerlukan kebergantungan sepenuhnya kepada penggunaan rumah api. Walau bagaimanapun perkara ini secara asasnya tidak sesekali merosakkan kontrak perjanjian asal yang ditandatangani suatu ketika dahulu. Hal yang demikian adalah kerana *subject matter* dalam perjanjian pada tahun 1900 itu adalah berkenaan pengoperasian rumah api. Oleh itu, soal relevensi rumah api serta rancangan pembangunan di Pulau Pisang tidak memberi kesan kepada perjanjian.

Meskipun begitu kewajaran menilai semula perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1900 sebagai asas yang membenarkan Singapura mengawal selia operasi rumah api tetap ada. Situasi ini didorong oleh kawalan pentadbiran efektif Singapura terhadap wilayah di bahagian rumah api berkenaan yang memungkinkan Singapura menuntut haknya di sana.

Selain itu, Malaysia sendiri berkeupayaan untuk membangunkan semula sistem navigasi yang lebih moden serta tidak perlu mengharapkan Singapura untuk mengawal selia rumah api di sana. Kecanggihan teknologi navigasi moden serta pembangunan adaptasi kebolegunaan teknologi tersebut dapat membantu Malaysia dalam mengawal selia keluar masuk kapal yang melalui Selat Melaka. Oleh itu, secara asasnya, kebergantungan kepada rumah api boleh dilihat hanya sebagai faktor sekunder.

Malah, perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Ibrahim dan Sir James Alexander Settenham itu telah berlaku lebih daripada satu abad. Maka, sudah tentu perjanjian tersebut perlu dinilai semula oleh kedua-dua negara bagi meneliti keperluan semasa terhadap asas perjanjian.

## KESIMPULAN

Penguasaan MPA terhadap sebahagian daripada wilayah rumah api secara langsung menzahirkan kedaulatan mereka di sana. Tidak mustahil jika Singapura berhasrat untuk menuntut kedaulatan mereka di wilayah kecil tersebut berdasarkan prinsip *prescription* dalam undang-undang laut antarabangsa. Alasan yang sama juga menunjukkan negara kehilangan hak terhadap Batu Puteh.

Justeru kewajaran mengambil alih pentadbiran rumah atau dalam bahasa yang lain memiliki sepenuhnya Pulau Pisang berkenaan tetap tinggi. Faktor *effective control* Singapura di wilayah bahagian rumah api berkenaan selain faktor sokongan yang lain seperti relevansi rumah api serta terima guna teknologi moden dalam sistem navigasi kapal serta keupayaan negara sendiri untuk mengawal selia rumah api berkenaan sepatutnya menjadi pertimbangan kepada Malaysia untuk bersikap lebih proaktif.

Walau bagaimanapun pendirian negara untuk mendapatkan semula hak sepenuhnya di Pulau Pisang ini memerlukan kepada kedua-dua negara untuk menilai semula perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1900 itu. Malaysia juga perlu bersedia dengan sebarang bentuk pampasan jika berhasrat untuk menarik diri daripada perjanjian yang memakan usia lebih 120 tahun itu.

## RUJUKAN

- Ahmad, M., Ahmad Fuad, A. F., & Zuhairah Arif, A. G. (2019). The Effect of Irrelevance of Pisang Island Lighthouse to the 1900 Agreement Between Sultan of Johor and Straits Settlement Government. *JOURNAL OF MARITIME RESEARCH*, 16(3), 3-6.
- Amriah Buang. (2006). Selat Melaka 1992 - 2006: Iktibar beberapa aspek permasalahan dalam mengurus kesejahteraan sumber sekitaran serantau. *Malaysian Journal of Society and Space*, 2, 58-71. Retrieved from <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/5.2006-AMRIAH1-melayu.pdf>
- Astro Awani. (9 Oktober, 2021). *Pasukan petugas khas diwujudkan, semak semula kes Pulau Batu Puteh - PM*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pasukan-petugas-khas-diwujudkan-semak-semula-kes-pulau-batu-puteh-pm-324428>
- Hafiz Mansor. (20 Januari, 2020). Cabaran Kedaulatan di Perairan Negara. *Perspektif*. Retrieved from <https://www.tsis.my/wp-content/uploads/2020/01/Perspektif-Kedaulatan-Malaysia-Sebagai-Negara-Maritim1.pdf>
- Hazmi Rusli. (10 Julai, 2019). *Singapore lighthouse on a Malaysian island*. Retrieved from New Straits Times: <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2019/07/503256/singapore-lighthouse-malaysian-island>
- Hazmi Rusli. (2 September, 2020). *Kepulauan Natuna Bergeografikan Malaysia Berdaulatkan Indonesia*. Retrieved from hazmirusli.com: <https://hazmirusli.com/2020/09/02/kepulauan-natuna-bergeografikan-malaysia-berdaulatkan-indonesia/>
- International Court of Justice (ICJ). (23 Mei, 2008). *Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore) Summary of the Judgment of 23 May 2008*. Retrieved from International Court of Justice (ICJ): <https://www.icj-cij.org/public/files/case-related/130/14506.pdf>
- Parlimen. (9 November, 2017). *Penyata Rasmi Dewan Rakyat 9 November 2017*. Retrieved from Parlimen: <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-09112017.pdf>
- Parlimen. (Julai, 2019). *Pemberitahuan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan*. Retrieved from Parlimen.
- Rusli, H., Mohamad, R., & Dremluga, R. (2014). PULAU PISANG LIGHT: A NON-MALAYSIAN LIGHTHOUSE ON A MALAYSIAN ISLAND. *Jati*, 19, 35-40.
- Singaporean Parliament. (n.d.). Retrieved from <http://www.channelnewsasia.com/cna/parliament/relations/special4.htm>



**Pulau  
Pisang**

Sila petik karya ini seperti berikut :  
Muhammad Hafiz Mansor, Prof Madya Dr. Hazmi Rusli, (2022 Februari 18).  
Tergadaikah Pulau Pisang ke Tangan Singapura?,  
Perspektif, 1/2022.

Maklumat mengenai penerbitan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) boleh didapati di :

[www.tsis.my](http://www.tsis.my)



© Hak Cipta Terpelihara